SALINAN DIGITAL

KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

SISTEM PENGURUSAN KUALITI

MS ISO 9001 : 2015



BAHAGIAN PERANCANGAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

15 OKTOBER 2026

SENARAI KANDUNGAN

DOKUMEN SPK MS ISO 9001:2015
BAHAGIAN PERANCANGAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

NO	TAJUK DOKUMEN
1.	**BP – 01 - MANUAL KUALITI**
2.	BP 02 - KAWALAN DOKUMEN
	BP 03 - KAWALAN REKOD
	BP 04 - AUDIT DALAMAN
	BP 05 - KAWALAN KETIDAKPATUHAN PRODUK/PERKHIDMATAN
	BP 06 - TINDAKAN PEMBETULAN
	BP 07 – MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN
	BP 08 – PENGURUSAN LATIHAN ANGGOTA
	BP 09 – ADUAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN
	BP 10 – PENGURUSAN BELANJAWAN TAHUNAN
	BP 11 – PENGENDALIAN PEROLEHAN
	BP 12 – PENYELENGGARAAN ASET ALIH KERAJAAN
	BP 13 – PENGGUBALAN PELAN KESIHATAN
	BP 14 – PEMANTAUAN PELAN KESIHATAN
	BP 15 – PENYEDIAAN *MEDICAL BRIEF OF REQUIREMENTS (MBoR)*
	BP 16 – INPUT REKABENTUK PROJEK DAN PEMANTAUAN KEPATUHAN TERHADAP PERANCANGAN PERUBATAN (*MEDICAL PLANNING COMPLIANCE*)
	BP 17– PENYEDIAAN MAKLUMBALAS PARLIMEN
	BP 18 – PENGURUSAN DATA DAN ANALISIS UNTUK PENJANAAN MAKLUMAT PERBELANJAAN KESIHATAN
	BP 19 – PENGURUSAN PERMOHONAN MAKLUMAT KESIHATAN
	BP 20 – PENERBITAN/ LAPORAN STATISTIK KESIHATAN

NO	TAJUK DOKUMEN
	BP 21 – PENGENDALIAN PEMPROSESAN DATA DI PUSAT INFORMATIK KESIHATAN
	BP 22 – PELANTIKAN PENGGUBAL SOALAN, KETUA PENGAWAS DAN KETUA PEMERIKSA CERTIFICATION OF CODERS (COC) INTERNATIONAL CLASSIFICATION OF DISEASES (ICD)
	BP 23 – PENYEDIAAN KERTAS SOALAN DAN PENGAWASAN PENILAIAN CERTIFICATION OF CODERS (COC) INTERNATIONAL CLASSIFICATION OF DISEASES (ICD)
	BP 24 - PROSEDUR PENYEDIAAN ULASAN TEKNIKAL BERKAITAN SKOP KERJA BAHAGIAN PERANCANGAN

BAHAGIAN PERANCANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MANUAL KUALITI

Disahkan oleh :

.....
(Tandatangan)

DR. DAVIS JOHNRAJ
(No. MPM: 32789)
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Timbalan Pengarah Kanan I
Bahagian Perancangan
Kementerian Kesihatan Malaysia

NAMA : DR. DAVIS JOHNRAJ
JAWATAN : WAKIL PENGURUSAN
TARIKH : 12/10/26

Diluluskan oleh :

.....
(Tandatangan)

DR. ENNA BINTI MOHD. HANAFIAH
(No. MPM: 32207 No. PKN: 137143)
Pengarah
Bahagian Perancangan
Kementerian Kesihatan Malaysia

NAMA : DR. ENNA BINTI MOHD HANAFIAH
JAWATAN : PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN
TARIKH : 12/10/26

REKOD PINDAAN

Bil.	No. Pindaan	Tarikh	Muka Surat	Ringkasan Pindaan
1	01	14 Disember 2022	15, 32 dan 33	Pindaan istilah "Mesyuarat Semakan Pengurusan" kepada "Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan"
			Lampiran 1	Pengemaskinian Carta Organisasi Bahagian Perancangan
			Lampiran 2B	Pengemaskinian Format Daftar Risiko dan Peluang
2	02	7 Oktober 2026	6-12	Menggantikan nama Seksyen NHF ke Seksyen SPME. Mengeluarkan nama Seksyen eHealth dan mengemaskini fungsi seksyen-seksyen.
			Lampiran 1 dan 2	Pengemaskinian Carta Organisasi Bahagian Perancangan dan Panduan Penilaian Risiko

1.0 PENGENALAN KEPADA MANUAL KUALITI

1.1. PENDAHULUAN

Manual Kualiti ini adalah berasaskan kepada keperluan MS ISO 9001:2015, Objektif Kualiti, Sistem Pengurusan Kualiti dan pengecualian (*exclusion*) di atas keperluan yang terpakai untuk mencapai dan mengekalkan kualiti penyediaan bagi prosedur operasi Bahagian Perancangan (BP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Prosedur operasi tersebut adalah berlandaskan kepada Standard MS ISO 9001:2015. Manual Kualiti ini terdiri daripada dokumen prosedur kualiti, arahan kerja dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan dengannya.

Dokumen sokongan meliputi:-

a) Akta Acara Kewangan
b) Pekeliling Perbendaharaan (PP)
c) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam
d) Pekeliling Perkhidmatan
e) Surat Pekeliling Perkhidmatan
f) Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian
g) Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan
h) Perintah Am dan/atau Peraturan-Peraturan Pegawai Awam
i) Dan lain-lain arahan dari semasa ke semasa

1.2. TUJUAN

Tujuan Manual Kualiti ini adalah untuk:

a) Menerangkan mengenai maklumat organisasi dan fungsi Bahagian Perancangan (BP).

b) Menjelaskan secara ringkas mengenai skop pelaksanaan dan pengecualian aplikasi *(exclusion)* dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 yang dilaksanakan di BP; dan

c) Menggariskan dasar dan prinsip-prinsip asas yang terpakai di dalam melaksanakan MS ISO 9001:2015 bagi semua proses yang terlibat di dalam skop pelaksanaan.

1.3. KANDUNGAN MANUAL

Manual Kualiti ini mengandungi sepuluh (10) bahagian meliputi perkara berikut:

Bahagian 1 : Pengenalan Kepada Manual Kualiti
Bahagian 2 : Maklumat Organisasi
Bahagian 3 : Skop Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti
Bahagian 4 : Konteks Organisasi
Bahagian 5 : Kepimpinan
Bahagian 6 : Perancangan
Bahagian 7 : Sokongan
Bahagian 8 : Operasi
Bahagian 9 : Penilaian Prestasi
Bahagian 10 : Penambahbaikan

1.4. PENYEDIAAN, KUATKUASA, PENGEDARAN DAN PINDAAN

Manual Kualiti ini hanya boleh terpakai dan berkuatkuasa setelah diluluskan oleh Pengarah Bahagian Perancangan (P(BP)). Adalah menjadi tanggungjawab pemegang dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen ini dalam keadaan seperti berikut:

a) Sentiasa dikemaskini dengan semua pindaan yang dinyatakan di dalam rekod pindaan.
b) Menyimpan dokumen ini dengan selamat.
c) Mengembalikan dokumen ini kepada pengurusan atasan BP atau menyerahkan kepada pengganti masing-masing sekiranya berlaku pertukaran jawatan atau perpindahan.
d) Diberi nombor kawalan tertentu/khusus dan dikemaskini apabila ada pindaan. Dipinda mana-mana bahagian atau keseluruhannya dengan kelulusan P (BP).

2.0 MAKLUMAT ORGANISASI

2.1. SEJARAH DAN LATAR BELAKANG BAHAGIAN PERANCANGAN

Aktiviti perancangan dan pembangunan di KKM bermula dengan penubuhan tiga (3) seksyen pada tahun 1956 selaras dengan bermulanya Rancangan Malaya Lima Tahun yang pertama. Seksyen tersebut adalah seperti berikut:

2.1.1. Perancangan dan pelaksanaan yang terdiri daripada:

a) Perancangan makro bagi perkhidmatan kesihatan

b) Perancangan mikro dan reka bentuk bagi fasiliti berkaitan perkhidmatan kesihatan
c) Kawalan bajet dan belanjawan
d) Pelaksanaan projek yang diluluskan, dan
e) Laporan kemajuan

2.1.2. Rekod perubatan dan statistik kesihatan yang berfungsi sebagai:

a) Pengumpulan data, analisis, membuat laporan dan mengedarkan informasi bagi tujuan perancangan, pentadbiran dan untuk membuat keputusan, serta penyelidikan dan penilaian.

2.1.3. Operasi dan Penyelidikan

a) Penilaian program dan perkhidmatan
b) Tinjauan dan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility)* dan kecekapan operasi.

Bahagian Perancangan dan Pembangunan (BPP) ditubuhkan pada Januari 1972. Ketika itu BPP merupakan salah satu bahagian yang terdapat di bawah KKM. Pada waktu itu BPP berperanan menyediakan khidmat sokongan teknikal bagi proses penggubalan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian Rancangan Malaysia Lima Tahun. BPP telah melalui pelbagai perubahan untuk meningkatkan lagi prestasi agar ianya seiring dengan keperluan perancangan dan pembangunan sistem kesihatan. Bahagian ini juga menjadi pemangkin kepada penggubalan Pelan Kesihatan Lima Tahun dan menyediakan sokongan teknikal kepada pelaksanaan projek fasiliti kesihatan yang diluluskan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia tersebut.

Semenjak penubuhannya, BPP telah mengalami beberapa perubahan organisasi berdasarkan keperluan fungsi. Sehingga 1 September 2012 organisasi BPP telah mengenalpasti fungsi bahagian utama seperti berikut:

2.1.4. Perancangan sistem kesihatan yang meliputi penggubalan Dasar Kesihatan Negara, penggubalan Pelan Kesihatan Lima Tahun, Kajian Separuh Penggal dan Penilaian Pelan Kesihatan Lima Tahun.

2.1.5. Perancangan fasiliti/peralatan perubatan dan sistem ICT perubatan

2.1.6. Perlaksanaan dan pemantauan projek-projek fizikal.

2.1.7. Pengurusan maklumat sistem kesihatan

2.1.8. Pembangunan dan Penginstitusian Akaun Kesihatan Nasional Malaysia (*Malaysia National Health Account*) (MNHA)

Organisasi BPP telah mengalami perubahan pada 1 September 2012, di mana Bahagian ini telah distruktur semula menjadi dua Bahagian berasingan iaitu Bahagian Perancangan (BP) dan Bahagian Pembangunan. Fungsi utama Bahagian Perancangan kekal seperti pada para 2.1.1 sehingga 2.1.8 kecuali para 2.1.6 dan sebahagian dari para 2.1.1 yang telah menjadi fungsi utama Bahagian Pembangunan.

Pada 1 Januari 2017, Bahagian Telekesihatan telah diserap masuk ke Bahagian Perancangan sebagai salah satu seksyen di bawah BP. Dengan ini, terdapat tujuh (7) seksyen di BP seperti berikut:

a) Seksyen Pusat Informatik Kesihatan (PIK)
b) Seksyen Akaun Kesihatan Nasional Malaysia (*Malaysia National Health Accounts*) (MNHA)

c) Seksyen Perancangan Dasar & Pelan Kesihatan (PDPK)
d) Seksyen Perancangan Fasiliti Kesihatan (PFK)
e) Seksyen *National Health Financing* (NHF)
f) Seksyen Perancangan *eHealth*
g) Seksyen Pentadbiran dan Kewangan (P&K)

Pada tahun 2025, Bahagian Perancangan telah melalui proses penstrukturan semula yang melibatkan perubahan pada seksyen-seksyen di bawahnya susulan penubuhan Bahagian Kesihatan Digital (BKD) dan *Health Transformation Office* (HTO). Perubahan utama melibatkan penjumudan Seksyen Perancangan eHealth dan penjenamaan semula Seksyen NHF kepada Seksyen Perancangan, Pemantauan dan Penilaian Strategik (SPME).

Kini, Bahagian Perancangan terdiri daripada enam (6) seksyen iaitu:

1. Seksyen Perancangan Dasar & Pelan Kesihatan (PDPK)
2. Seksyen *Malaysia National Health Accounts* (MNHA)
3. Seksyen Perancangan, Pemantauan dan Penilaian Strategik (SPME)
4. Seksyen Perancangan Fasiliti Kesihatan (PFK)
5. Seksyen Pusat Informatik Kesihatan (PIK)
6. Seksyen Pentadbiran dan Kewangan (P&K)

2.2. FUNGSI BAHAGIAN PERANCANGAN

Sejajar dengan enam (6) Seksyen di BP, fungsi utama BP yang terkini adalah seperti yang berikut:

2.2.1. Perancangan pelan/halatuju 5 tahun, penggubalan polisi, penilaian & pemantauan sistem kesihatan negara berdasarkan keperluan rakyat dengan mengambil kira halatuju nasional dan antarabangsa.

2.2.2. Menyokong pelaksanaan projek penjagaan kesihatan berasaskan nilai serta pembentukan dasar berasaskan bukti melalui pelaksanaan fungsi perancangan, pemantauan, dan penilaian projek kesihatan strategik yang dilaksanakan oleh entiti bertujuan khas (*Special Purpose Vehicle*, SPV), syarikat jaminan kerajaan (*Company Limited by Guarantee*, CLBG), atau melalui peruntukan khas KKM.

2.2.3. Perancangan strategik keperluan, penubuhan fasiliti kesihatan baru atau naik taraf seluruh negara selaras dengan keperluan perkhidmatan kesihatan untuk rakyat berdasarkan beban penyakit, perubahan demografi, faktor geografi dan lain-lain.

2.2.4. Perancangan strategik, pengwujudan, pemantauan dan penilaian sistem maklumat kesihatan negara

a) Pengwujudan sistem-sistem maklumat kesihatan dan validasi data/maklumat
b) Pengwujudan maklumat kesihatan berpusat ke arah *Big Data Analytics* (BDA) dan *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW)
c) Pembangunan, implementasi dan pengemaskinian standard informatik kesihatan, termasuk diagnosa, terminologi klinikal dan kamus data kesihatan
d) Latihan penggunaan standard informatik kesihatan dan analisis

e) Mengkaji keperluan maklumat kesihatan baru diperlukan negara dan *benchmarking* antarabangsa, analisis dan penerbitan maklumat

2.2.5. Perancangan, analisis dan penghasilan maklumat perbelanjaan kesihatan negara meliputi perbelanjaan kesihatan sektor awam dan swasta mengikut kerangka kerja MNHA berdasarkan *System of Health Accounts* (SHA) yang diterima pakai di peringkat nasional dan antarabangsa untuk tujuan penyediaan dan penggubalan pelan tindakan kesihatan, penyelidikan serta pemantauan perkembangan sistem kesihatan negara.

2.3 CARTA ORGANISASI

Bahagian Perancangan diterajui oleh seorang Pengarah yang dibantu oleh dua (2) Timbalan Pengarah Kanan. Secara keseluruhannya, BP merangkumi enam (6) seksyen, termasuk lima (5) seksyen teknikal: Seksyen MNHA, Seksyen PDPK, Seksyen PFK, Seksyen SPME, dan Seksyen PIK. Pengurusan setiap seksyen teknikal ini dipertanggungjawabkan di bawah seliaan seorang Timbalan Pengarah.

Satu seksyen sokongan iaitu Seksyen Pentadbiran dan Kewangan (P&K) yang diketuai oleh Penolong Pegawai Tadbir Kanan (PPTK). Secara umumnya seksyen sokongan ini bertindak menyokong keseluruhan organisasi BP.

Struktur Organisasi BP adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

2.4 VISI

Sebagai peneraju dalam merancang dan membangunkan sistem kesihatan Malaysia selaras dengan keperluan pemegang taruh (*stakeholder*).

2.5 MISI

Perancangan dilaksanakan secara sistematik berasaskan bukti serta penglibatan pemegang taruh (*stakeholder*) dan pemantauan dibuat secara berkala dan berkesan serta memberi maklum balas kepada pemegang taruh (*stakeholder*).

2.6 DASAR KUALITI

BP komited untuk memberi keutamaan kepada pelanggan dalam menyampaikan perkhidmatan dengan memberikan penekanan kepada proses dan penambahbaikan yang berterusan.

2.7 OBJEKTIF KUALITI

BP menyediakan perkhidmatan yang cekap, berkesan, bertepatan masa dan mesra pelanggan di dalam melaksanakan tanggungjawab meliputi lima (5) seksyen teknikal di BP dalam tiga (3) aspek berikut:

a) Perancangan dan Pembangunan Dasar dan Sistem Kesihatan
b) Perancangan dan Pembangunan Fasiliti Kesihatan
c) Perancangan, Pembangunan dan Pengurusan Sistem Maklumat Kesihatan Bersepadu

Dengan memastikan:

a) Perancangan serta penilaian pelan kesihatan 5 tahun dijalankan mengikut jadual.
b) Perancangan fasiliti kesihatan yang dirancang mengikut keperluan negara bagi kepentingan rakyat.
c) Maklumat kesihatan yang dihasilkan adalah tepat dan mengikut jadual.
d) Kehendak pelanggan dipenuhi.
e) Objektif Kualiti BP diukur berdasarkan kepada KPI Bahagian Perancangan bagi tahun semasa.

3.0 SKOP PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Sistem pengurusan kualiti yang dilaksanakan oleh BP merangkumi pelbagai skop persijilan, termasuk perancangan dan pemantauan pelan kesihatan, penghasilan akaun kesihatan, pemantauan serta penilaian program-program strategik, perancangan fasiliti kesihatan dan informatik kesihatan.

Aktiviti BP bermula dengan menerima arahan daripada pihak pengurusan tertinggi KKM. Arahan dinilai oleh P(BP) dan TPK sebelum disalurkan kepada seksyen-seksyen yang berkaitan. Data dan maklumat yang diperoleh daripada Seksyen PIK dan Seksyen MNHA menyumbang kepada pembentukan Pelan Kesihatan Rancangan Malaysia Lima Tahun, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia

Lima Tahun dan Penilaian Pelan Kesihatan Lima Tahun yang diselaraskan oleh Seksyen PDPK. Pelan Kesihatan ini merupakan sebahagian daripada asas perancangan fasiliti-fasiliti kesihatan yang dilaksanakan oleh Seksyen PFK. Manakala, Seksyen SPME bertanggungjawab melakukan pemantauan dan penilaian terhadap program-program strategik KKM.

Sekiranya perlu, beberapa aktiviti BP dilaksanakan dengan menggunakan khidmat pakar perunding dalaman atau luaran. Aktiviti ini akan dipantau melalui kontrak yang telah dipersetujui.

4.0 PENGECUALIAN (*EXCLUSION*) APLIKASI PELAKSANAAN MS ISO 9001:2015

BP hendaklah melaksanakan keperluan-keperluan MS ISO 9001:2015 kecuali keperluan-keperluan yang dinyatakan di bawah:

Klausa	Pengecualian	Justifikasi
7.1.5	Sumber Pemantauan dan Pengukuran	Proses yang terlibat dalam BP tidak menggunakan sebarang alat pengukuran dan pemantauan
8.3	Rekabentuk dan pembangunan produk serta perkhidmatan	BP tidak terlibat dalam penghasilan sebarang produk. BP memberi input untuk rekabentuk dan pembangunan kepada agensi yang relevan apabila diminta.

4.1 SINGKATAN

KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
BP	-	Bahagian Perancangan
P(BP)	-	Pengarah Bahagian Perancangan
TPK	-	Timbalan Pengarah Kanan
TP	-	Timbalan Pengarah
WP	-	Wakil Pengurusan
SPK	-	Sistem Pengurusan Kualiti
MKSP	-	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
MNHA	-	*Malaysia National Health Accounts*
NHF	-	*National Health Financing*
PIK	-	Pusat Informatik Kesihatan
PFK	-	Perancangan Fasiliti Kesihatan
PDPK	-	Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan
eHealth	-	Perancangan *eHealth*
ICT	-	*Information and Communication Technology*
MBoR	-	*Medical Brief of Requirement*
SPME	-	*Strategic Planning, Monitoring and Evaluation* (Perancangan, Pemantauan dan Penilaian Strategik)
P&K	-	Pentadbiran dan Kewangan

5.0 KONTEKS ORGANISASI

5.1 MEMAHAMI ORGANISASI DAN KONTEKSNYA

BP menentukan isu-isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan tujuan dan hala tuju strategiknya serta yang memberi kesan terhadap

keupayaannya untuk mencapai hasil yang dikehendaki daripada sistem pengurusan kualitinya.

Maklumat yang berkaitan dengan isu luaran dan dalaman ini akan dipantau dan dikaji semula.

Kaedah yang digunakan dalam menentu, memantau dan mengkaji semula isu-isu luaran dan dalaman adalah melalui mesyuarat pada peringkat bahagian dan sesi kajian semula pengurusan.

5.2 MEMAHAMI KEHENDAK DAN JANGKAAN PIHAK BERKEPENTINGAN (PEMEGANG TARUH / *STAKEHOLDER*)

BP menentukan:

a) pihak berkepentingan yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti;
b) keperluan pihak berkepentingan ini yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti.

Maklumat mengenai pihak berkepentingan ini dan keperluan mereka yang berkaitan akan dipantau dan dikaji semula melalui laporan-laporan yang berkaitan.

5.3 MENENTUKAN SKOP SISTEM PENGURUSAN KUALITI

BP menentukan had dan perkara yang boleh dikaitkan dengan sistem pengurusan kualiti untuk mewujudkan skopnya.

Apabila menentukan skop ini, perkara yang dipertimbangkan:

a) isu luaran dan dalaman yang dirujuk dalam klausa 4.0;
b) keperluan pihak berkepentingan yang berkaitan yang dirujuk dalam klausa 4.2;
c) produk dan perkhidmatan organisasi.

BP menggunakan semua keperluan Standard Antarabangsa ini sekiranya berkaitan dalam skop sistem pengurusan kualiti yang telah ditentukan.

Skop sistem pengurusan kualiti organisasi mestilah disedia dan diselenggara sebagai maklumat didokumenkan. Skop mestilah menyatakan jenis produk dan perkhidmatan yang diliputi dan menyediakan justifikasi untuk mana-mana keperluan Standard Antarabangsa ini yang telah ditentukan oleh organisasi sebagai tidak berkaitan dengan skop sistem pengurusan kualiti.

Keakuran kepada Standard Antarabangsa ini hanya boleh dituntut sekiranya keperluan yang telah ditentukan sebagai tidak berkaitan, tidak memberi kesan kepada keupayaan dan tanggungjawab organisasi dalam memastikan keakuran ke atas produk dan perkhidmatan serta peningkatan kepuasan pelanggan.

5.4 SISTEM PENGURUSAN KUALITI DAN PROSESNYA

BP mewujud, melaksana, menyelenggara dan menambahbaik sistem pengurusan kualiti secara berterusan, termasuk proses yang diperlukan dan

interaksi proses tersebut, selaras dengan keperluan Standard Antarabangsa ini.

Proses yang diperlukan untuk sistem pengurusan kualiti dan penggunaannya di seluruh organisasi ditentukan (rujuk LAMPIRAN 2) dan mestilah:

a) menentukan input yang perlu dan output-output yang dijangka daripada proses ini
b) menentukan turutan dan interaksi proses ini
c) menentu dan menggunakan kriteria serta kaedah (termasuk pemantauan, pengukuran dan indikator prestasi yang berkaitan) yang perlu untuk memastikan keberkesanan operasi dan kawalan proses ini
d) menentukan sumber yang perlu untuk proses ini dan memastikan adanya sumber tersebut
e) memberikan tanggungjawab dan kuasa untuk proses ini
f) menangani risiko dan peluang sebagaimana yang telah ditentukan mengikut keperluan klausa 6.1
g) menilai proses ini dan melaksanakan perubahan yang perlu untuk memastikan proses ini mencapai hasil yang dikehendaki
h) menambahbaik proses ini dan sistem pengurusan kualiti.

Pada suatu tahap yang diperlukan, BP akan:

a) menyelenggara maklumat didokumenkan untuk menyokong operasi prosesnya
b) mengekalkan maklumat didokumenkan untuk mendapat keyakinan bahawa proses telah dijalankan sebagaimana yang telah dirancang.

6.0 KEPIMPINAN

6.1 KEPIMPINAN DAN KOMITMEN

6.1.1 Pengurusan atasan BP menunjukkan kepimpinan dan komitmen dengan memberi perhatian kepada sistem pengurusan kualiti melalui:

a) mengambil kebertanggungjawaban dalam keberkesanan sistem pengurusan kualiti

b) memastikan dasar kualiti dan objektif kualiti telah diwujudkan untuk sistem pengurusan kualiti dan sesuai dengan konteks serta hala tuju strategik organisasi

c) memastikan integrasi keperluan sistem pengurusan kualiti ke dalam proses urusan organisasi

d) menggalakkan penggunaan pendekatan proses dan pemikiran berasaskan risiko

e) memastikan adanya sumber yang perlu untuk sistem pengurusan kualiti

f) menyampaikan kepentingan mengenai pengurusan kualiti yang berkesan dan keakuran kepada keperluan-keperluan sistem pengurusan kualiti

g) memastikan sistem pengurusan kualiti mencapai hasil yang dikehendaki

h) menugaskan, mengarahkan dan menyokong pegawai untuk menyumbang kepada keberkesanan sistem pengurusan kualiti

i) menggalakkan penambahbaikan

j) menyokong peranan pengurusan yang lain untuk menunjukkan kepimpinan mereka yang sepatutnya digunakan dalam lingkungan tanggungjawab mereka

6.1.2 FOKUS KEPADA PELANGGAN

Pengurusan atasan BP juga menunjukkan kepimpinan dan komitmen dengan memberi perhatian dan fokus kepada pelanggan dengan memastikan bahawa:

a) keperluan-keperluan pelanggan serta perundangan dan peraturan telah ditentukan, difahami dan dipenuhi secara konsisten;
b) risiko dan peluang yang boleh memberi kesan kepada keakuran produk dan perkhidmatan serta keupayaan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan telah ditentukan dan ditangani
c) fokus untuk meningkatkan kepuasan pelanggan sentiasa dikekalkan.

6.2 DASAR KUALITI

BP haruslah sentiasa memastikan Dasar Kualiti:

a) Bersesuaian dengan hala tuju BP dan KKM
b) Komited untuk mematuhi keperluan dan peningkatan berterusan SPK
c) Dihayati dan difahami oleh semua warga BP
d) Disemak dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanannya
e) Menjadi asas dalam mewujudkan dan mengkaji semula Objektif Kualiti.

6.3 PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN KUASA

Pengurusan BP menentukan tanggungjawab dan bidang kuasa setiap anggota bahagian ini. Ia ditetapkan dalam carta organisasi, MyPortfolio dan penurunan kuasa.

Pengurusan atasan mempunyai tanggungjawab seperti yang berikut:

a) Memastikan proses yang diperlukan untuk SPK MS ISO 9001:2015 diwujudkan, dilaksanakan dan diselenggara.
b) Melaporkan kepada pengurusan BP mengenai prestasi SPK dan sebarang keperluan untuk penambahbaikan.
c) Memastikan peningkatan kesedaran terhadap keperluan pelanggan dan keseluruhan organisasi.
d) Berurusan dengan pihak luar mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan SPK BP.

7.0 PERANCANGAN

7.1 TINDAKAN UNTUK MENANGANI RISIKO DAN PELUANG

Apabila merancang untuk sistem pengurusan kualiti, BP mempertimbangkan isi-isu yang dirujuk dalam klausa 4.1 dan keperluan-keperluan yang dirujuk dalam klausa 4.2 serta menentukan risiko dan peluang yang perlu ditangani untuk:

a) Memberi jaminan bahawa sistem pengurusan kualiti boleh mencapai hasil yang dikehendaki

b) Meningkatkan kesan yang diingini
c) Mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak diingini
d) Mencapai penambahbaikan.

P (BP) akan merancang:

a) Tindakan untuk menangani risiko dan peluang.
b) Langkah-langkah untuk melaksanakan tindakan ke atas proses sistem pengurusan kualiti dan menilai keberkesanan tindakan tersebut.

Tindakan-tindakan yang diambil untuk menangani risiko dan peluang mestilah berpadanan dengan impak yang berpotensi ke atas keakuran produk dan perkhidmatan (rujuk **LAMPIRAN 2A, LAMPIRAN 2B, LAMPIRAN 2C** dan **LAMPIRAN 2D).**

7.2 OBJEKTIF KUALITI DAN PERANCANGAN UNTUK MENCAPAINYA

BP mewujudkan objektif kualiti (KPI Bahagian) di fungsi yang berkaitan, tahap dan proses yang perlu untuk sistem pengurusan kualiti.

Objektif kualiti mestilah:

a) konsisten dengan dasar kualiti
b) boleh diukur
c) mengambil kira keperluan-keperluan yang berkaitan
d) berhubung dengan keakuran produk dan perkhidmatan serta peningkatan kepuasan pelanggan
e) dipantau
f) disampaikan

g) dikemaskini mengikut kesesuaian.

BP akan menyelenggara maklumat didokumenkan ke atas objektif kualiti. Apabila merancang bagaimana untuk mencapai objektif kualiti, BP akan menentukan:

a) apa yang akan dilakukan
b) apa sumber yang akan diperlukan
c) siapa yang akan bertanggungjawab
d) bila ianya akan diselesaikan
e) bagaimana hasilnya akan dinilai.

7.3 PERANCANGAN PERUBAHAN

Jika BP menentukan keperluan untuk perubahan ke atas sistem pengurusan kualiti, perubahan tersebut mestilah dijalankan dalam keadaan yang terancang. BP akan mempertimbangkan:

a) tujuan perubahan tersebut dan akibat yang berkemungkinan
b) integriti sistem pengurusan kualiti
c) adanya sumber
d) peruntukan atau peruntukan semula untuk tanggungjawab dan kuasa.

8.0 SOKONGAN

8.1 SUMBER

8.1.1 AM

BP mengenalpasti peruntukan dan penyediaan sumber yang diperlukan untuk:

a) Melaksanakan dan menyelenggarakan SPK serta sentiasa meningkatkan keberkesanannya secara berterusan.
b) Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dengan memenuhi keperluan pelanggan.

8.1.2 MANUSIA

BP hendaklah memastikan anggota yang kompeten mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman melalui latihan dalam bidang kerja yang dipertanggungjawabkan. Keperluan sumber manusia hendaklah dirancang selaras dengan Objektif Kualiti bahagian.

8.1.3 INFRASTRUKTUR

BP memastikan, menyedia dan menyelenggara kemudahan-kemudahan infrastruktur yang diperlukan untuk mencapai kecemerlangan perkhidmatan. Infrastruktur tersebut termasuklah:

a) Bangunan, ruang pejabat dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan.
b) Peralatan meliputi perkakasan dan perisian komputer yang diperlukan untuk menjalankan kerja.
c) Kemudahan sokongan seperti rangkaian sistem maklumat, telekomunikasi, pengangkutan dan lain-lain.

8.1.4 PERSEKITARAN UNTUK OPERASI PROSES

BP hendaklah memastikan dan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif untuk mencapai kecemerlangan perkhidmatan. Persekitaran kerja ini termasuklah faktor fizikal, faktor psikologikal, faktor sosial dan faktor ergonomik persekitaran seperti kebisingan, suhu, kelembapan, pencahayaan dan pengudaraan.

8.1.5 PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN

BP tidak mempunyai sebarang peralatan pengukuran dan pemantauan untuk dikawal.

8.1.6 PENGETAHUAN DALAM ORGANISASI

BP menentukan pengetahuan yang perlu untuk operasi proses serta mencapai keakuran produk dan perkhidmatan.

Pengetahuan ini mestilah diselenggara dan sentiasa ada pada suatu tahap yang diperlukan.

Apabila menangani perubahan hasrat dan aliran, organisasi mestilah mempertimbangkan pengetahuan semasanya dan menentukan bagaimana untuk mendapatkan atau mengakses pengetahuan tambahan dan terkini yang diperlukan.

8.2 KOMPETENSI

BP akan:

a) Memastikan semua anggota adalah kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas berkaitan kualiti produk/perkhidmatan.
b) Memastikan semua anggota diberi latihan mengikut keperluan kerja dan tanggungjawab yang diberikan untuk memenuhi keperluan kepakaran.
c) Menilai keberkesanan tindakan yang telah diambil untuk memenuhi keperluan kepakaran.
d) Memastikan semua anggota peka tentang kepentingan tugas serta aktiviti-aktiviti mereka dan bagaimana ia menyumbang ke arah pencapaian objektif kualiti.
e) Mengekalkan rekod-rekod latihan, kemahiran dan pengalaman.

8.3 KESEDARAN

BP memastikan orang yang menjalankan tugas di bawah kawalan organisasi mestilah sedar mengenai:

a) dasar kualiti;
b) objektif kualiti yang berkaitan;
c) sumbangan mereka terhadap keberkesanan sistem pengurusan kualiti, termasuk faedah peningkatan prestasi;
d) implikasi jika tidak akur dengan keperluan-keperluan sistem pengurusan kualiti.

8.4 KOMUNIKASI

Pengurusan BP hendaklah memastikan sistem komunikasi dalaman diwujudkan dan kaedah/instrumen berikut hendaklah dimanfaatkan:

a) Mesyuarat bahagian/cawangan/seksyen
b) Sesi latihan
c) Papan kenyataan/notis
d) Perbincangan di peringkat bahagian, seksyen dan unit
e) Sistem maklum balas
f) Surat, memo, e-mel, panggilan telefon
g) Aplikasi pemesejan segera (contohnya *WhatsApp, Telegram*), laman web, *Facebook* dan lain-lain media sosial

8.5 MAKLUMAT DIDOKUMENKAN

8.5.1 AM

Pelaksanaan SPK BP haruslah berasaskan kepada dokumen berikut:

a) Skop SPK dan justifikasi pengecualian
b) Penyataan dasar kualiti dan objektif kualiti
c) Manual Kualiti
d) Prosedur-prosedur yang didokumenkan
e) Dokumen-dokumen lain adalah bagi memastikan perancangan, operasi dan kawalan ke atas proses dijalankan dengan berkesan
f) Rekod-rekod diselenggara mengikut keperluan standard. Senarai induk rekod adalah menurut senarai semasa.

8.5.2 KAWALAN MAKLUMAT DIDOKUMENKAN

Apabila mewujud, mengemaskini dan membuat kawalan ke atas maklumat didokumenkan (dokumen dan rekod), BP akan merujuk kepada prosedur-prosedur yang berkaitan.

9.0 OPERASI

9.1 PERANCANGAN DAN KAWALAN OPERASI

BP bertanggungjawab untuk merancang dan membangunkan fasiliti dan sistem kesihatan negara. Ia juga bertanggungjawab untuk mengumpul data kesihatan dan berkongsi maklumat dengan pelanggan. Perancangan Pelan Kesihatan dibuat setiap lima tahun sejajar dengan penggubalan Rancangan Malaysia di peringkat negara.

Dalam membuat perancangan BP telah menentukan perkara berikut:

a) Melaksanakan tindakan yang dirancang dalam klausa 6.0
b) Keperluan mewujudkan proses, dokumen dan sumber bagi menghasilkan perkhidmatan
c) Keperluan aktiviti verifikasi dan pemantauan serta kriteria bagi menentukan perkhidmatan memenuhi keperluan yang ditetapkan
d) Rekod-rekod yang diperlukan untuk membuktikan dan mengesahkan proses penghasilan perkhidmatan serta perkhidmatan yang disampaikan memenuhi keperluan yang ditetapkan.

9.2 KEPERLUAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

9.2.1 KOMUNIKASI DENGAN PELANGGAN

Pengurusan BP menyediakan kemudahan komunikasi atau perhubungan yang terancang dan berkesan dengan pelanggan melalui:

a) Piagam Pelanggan Bahagian
b) Penerbitan seperti pamplet/brosur dan poster
c) Surat, memo, e-mel, dan panggilan telefon
d) Borang maklum balas pelanggan
e) Mekanisme telekomunikasi seperti telefon
f) Papan kenyataan
h) Aplikasi pemesejan segera (contohnya *WhatsApp, Telegram*), laman web, *Facebook* dan lain-lain media sosial

9.2.2 MENENTUKAN KEPERLUAN BERKAITAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

BP menentukan dan mengenal pasti:

a) Keperluan khusus yang ditetapkan oleh pelanggan melalui permohonan termasuk keperluan semasa dan selepas pemberian perkhidmatan bagi membolehkan perkhidmatan disampaikan memenuhi kehendak mereka.
b) Keperluan yang tidak dinyatakan oleh pelanggan tetapi diketahui perlu diambil kira untuk kegunaan tertentu pelanggan berkenaan.
c) Kehendak peraturan semasa dan keperluan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan perkhidmatan.
d) Keperluan tambahan yang ditentukan oleh BP perlulah merujuk kepada terma dan syarat perkhidmatan.

9.2.3 SEMAKAN KEPERLUAN BERKAITAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Pengurusan BP mengkaji kehendak-kehendak pelanggan dalam menyampaikan perkhidmatannya dengan cara-cara berikut:

a) Arahan rasmi daripada pihak pengurusan KKM dan ketetapan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkepentingan.
b) Komitmen BP daripada segi keupayaannya untuk memenuhi kehendak pelanggan yang ditentukan dari semasa ke semasa.
c) Maklum balas dan cadangan daripada pelanggan.

Semua rekod-rekod berkaitan semakan dikemas kini dan diselenggara. Sekiranya pelanggan tidak menyatakan keperluan mereka secara bertulis, BP perlu mengesahkan keperluan tersebut sebelum dipersetujui bersama. Sekiranya keperluan perkhidmatan diubah, BP perlu memastikan dokumen berkaitan dipinda dan anggota kerja yang berkaitan diberitahu mengenai perubahan tersebut.

9.2.4 PERUBAHAN TERHADAP KEPERLUAN UNTUK PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Sebarang pindaan terhadap sesuatu keperluan dimaklumkan kepada pelanggan sama ada secara bertulis atau lisan mengikut kesesuaian. Rekod berkenaan dengan semua pindaan dan cadangan akan disimpan.

BP mampu memenuhi setiap keperluan perkhidmatan yang dikenal pasti. Rekod berkenaan dengan semua pindaan dan tindakan yang diambil diselenggara dan disimpan.

9.3 REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN PROSES

BP tidak menjalankan sebarang kerja-kerja reka bentuk dan pembangunan lain.

9.4 KAWALAN PROSES, PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN DARI LUAR

9.4.1 AM

BP sentiasa memastikan setiap perkhidmatan dan barangan yang diperoleh adalah mengikut prosedur perolehan dan mematuhi garis panduan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

Pemilihan pembekal adalah berdasarkan kepada keupayaan untuk memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh BP. Kriteria pemilihan, penilaian dan penilaian semula ditetapkan.

BP hendaklah menguruskan aktiviti perolehan bekalan bahan-bahan dan perkhidmatan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia melalui kaedah-kaedah berikut:

a) Pembelian terus
b) Sebut harga

c) Tender (penyediaan urusan tender dibuat oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan)

9.4.2 TAHAP KAWALAN

Bekalan dan perkhidmatan yang diterima daripada pembekal perlu diperiksa bagi memastikan ia memenuhi spesifikasi dan keperluan yang dinyatakan dalam dokumen perolehan.

9.4.3 MAKLUMAT UNTUK PEMBEKAL LUAR

Maklumat perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang diperoleh hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen berikut:

a) Pesanan Kerajaan (*Local Order*)
b) Skop dan Spesifikasi Kerja
c) Dokumen Sebut harga
d) Surat Tawaran/Surat Lantikan
e) Surat Setuju Terima/Surat Niat

Dokumen perolehan hendaklah diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa sebelum diserahkan kepada pembekal.

9.5 PENYEDIAAN PENGELUARAN DAN PERKHIDMATAN

9.5.1 KAWALAN KE ATAS PROSES PENYEDIAAN PEMBERIAN PERKHIDMATAN

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di atas adalah di bawah keadaan terkawal dengan mendokumenkan proses yang perlu dilaksanakan bagi memastikan kawalan proses dirancang dan dilakukan.

Keadaan terkawal bagi proses umum dan spesifik tersebut meliputi perkara-perkara seperti yang berikut:

a) Adanya maklumat yang menerangkan ciri-ciri perkhidmatan.
b) Adanya arahan kerja pekeliling yang berkaitan.
c) Penggunaan dokumen, peruntukan kewangan, peralatan atau item berkaitan yang sesuai.
d) Pelaksanaan pemantauan dan pengukuran.
e) Pelaksanaan aktiviti meluluskan dan menyampaikan perkhidmatan serta aktiviti selepas perkhidmatan disampaikan.

9.5.2 IDENTIFIKASI DAN KEMUDAHKESANAN

BP sentiasa mengawal dan merekodkan identifikasi proses atau perkhidmatan yang telah diberikan dengan memberikan identifikasi berdasarkan kepada butiran fasiliti dan sistem pengekodan dalam sistem maklumat.

9.5.3 HARTA PELANGGAN/PEMBEKAL LUAR

BP mengenal pasti, mengesahkan dan menjaga dengan selamat harta pelanggan/pembekal luar semasa ianya berada di bawah kawalan atau digunakan oleh organisasi dalam proses penyediaan dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Hak milik kepunyaan pelanggan/pembekal

luar yang hilang, rosak atau tidak sesuai digunakan akan dimaklumkan kepada pelanggan/pembekal.

9.5.4 PEMELIHARAAN

BP memelihara kepatuhan produk semasa proses dalaman dan penghantaran ke destinasi yang ditentukan. Pemeliharaan mestilah termasuk pengenalpastian, pengendalian, penyimpanan dan perlindungan. Pemeliharaan mestilah juga dijalankan pada komponen-komponen sesuatu produk.

Pemeliharaan produk merujuk kepada pemeliharaan rekod-rekod yang dihasilkan daripada proses di atas seperti MBoR, dokumen Rancangan Malaysia Lima Tahun, rekod-rekod berkaitan informatik kesihatan, rekod kualiti dan lain-lain rekod yang wujud dalam SPK. Rekod ini boleh berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*.

9.5.5 AKTIVITI SELEPAS PERKHIDMATAN

BP akan memenuhi keperluan-keperluan untuk aktiviti selepas penghantaran yang berkaitan produk dan perkhidmatan.

Dalam menentukan tahap aktiviti selepas penghantaran yang diperlukan, organisasi mestilah mengambil kira:

a) keperluan peraturan dan undang-undang
b) kesan-kesan tidak diingini yang berpotensi untuk dikaitkan dengan

produk dan perkhidmatannya

c) sifat, penggunaan dan jangka hayat yang diharapkan untuk produk dan perkhidmatannya
d) keperluan pelanggan
e) maklum balas pelanggan

9.5.6 KAWALAN PERUBAHAN

BP akan menyemak dan mengawal perubahan untuk penyediaan pengeluaran atau perkhidmatan, pada suatu tahap yang diperlukan untuk memastikan keakuran yang berterusan dengan keperluan.

BP akan mengekalkan maklumat didokumenkan yang menggambarkan keputusan semakan perubahan, orang yang membenarkan perubahan itu dan sebarang tindakan yang timbul daripada semakan.

9.6 PELEPASAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

BP akan melaksanakan aturan yang dirancang, pada peringkat yang sesuai, untuk mengesahkan bahawa keperluan produk dan perkhidmatan telah dipenuhi.

Pelepasan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan tidak boleh diteruskan sehingga aturan yang dirancang telah siap dengan memuaskan, melainkan jika diluluskan oleh suatu kuasa yang berkaitan dan jika berkenaan dengan pelanggan.

BP akan mengekalkan maklumat didokumenkan untuk pelepasan produk dan perkhidmatan. Maklumat didokumenkan mestilah termasuk:

a) bukti keakuran dengan kriteria penerimaan
b) kemudahkesanan terhadap orang yang membenarkan pelepasan.

9.7 KAWALAN OUTPUT YANG TIDAK AKUR

BP memastikan ketidakpatuhan produk/perkhidmatan dikenal pasti dan dikawal untuk mengelakkan penggunaan/penyampaian yang tidak wajar. Kawalan tanggungjawab dan bidang kuasa untuk mengendalikan ketidakpatuhan produk telah dikenal pasti di dalam prosedur. BP menangani ketidakpatuhan produk/perkhidmatan melalui salah satu kaedah seperti yang berikut:

a) Diberhentikan sementara penggunaan produk/perkhidmatan tersebut sehingga disahkan boleh diguna semula selepas dipinda atau diperbetulkan.
b) Dibenarkan penggunaan produk/perkhidmatan tetapi dengan bersyarat dan agensi/pelanggan dimaklumkan.
c) Ditolak atau diberhentikan produk/perkhidmatan tersebut.
d) Mencadangkan tindakan pembetulan bersesuaian ke atas kesan ketidakpatuhan atau kesan yang dijangka berlaku selepas penyampaian perkhidmatan dilaksanakan.

Ketidakpatuhan produk/perkhidmatan antara lain adalah seperti yang berikut:

a) Pelaksanaan proses kerja yang bercanggah dengan akta, pekeliling-pekeliling dan peraturan-peraturan semasa yang berkuat kuasa.
b) Produk/perkhidmatan yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan atau terdapat aduan pelanggan.

Rekod-rekod berkaitan produk/perkhidmatan yang tidak menepati spesifikasi adalah dipelihara. Produk atau perkhidmatan yang diperbetul atau diproses semula hendaklah disahkan semula untuk menunjuk kepatuhan terhadap produk/perkhidmatan memenuhi keperluan sebelum diterima. Apabila produk/perkhidmatan yang tidak mematuhi spesifikasi telah diberikan, BP perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bersesuaian dengan kesan ketidakpatuhan itu.

10.0 PENILAIAN PRESTASI

10.1 PEMANTAUAN, PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENILAIAN

10.1.1 AM

BP akan menentukan:

a) apa yang perlu dipantau dan diukur
b) kaedah untuk pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian yang diperlukan untuk memastikan keputusan yang sah
c) bila pemantauan dan pengukuran mesti dilaksanakan
d) bila keputusan daripada pemantauan dan pengukuran mesti dianalisis dan dinilai.

Penilaian prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti akan dilaksanakan. Maklumat didokumenkan yang bersesuaian sebagai bukti keputusan akan dikekalkan.

10.1.2 KEPUASAN PELANGGAN

Pengurusan BP hendaklah memastikan keperluan pelanggan difahami dan dipenuhi bagi mempertingkatkan lagi kepuasan pelanggan melalui kaedah-kaedah berikut:

a) Mewujudkan kaedah bagi pengendalian maklum balas daripada pelanggan berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan.
b) Hendaklah sentiasa mengkaji semula kehendak-kehendak baru pelanggannya dan memastikan keperluan pelanggan dipenuhi berlandaskan peraturan dan kemampuan yang sedia ada.
c) Sebarang maklum balas daripada pelanggan-pelanggan hendaklah diambil tindakan sewajarnya selaras dengan ketetapan Piagam Pelanggan.

10.1.3 ANALISIS DAN PENILAIAN

BP mengenal pasti kaedah bagi menganalisis data yang berkaitan dalam menentukan pelaksanaan SPK sentiasa berkesan. Analisis data meliputi sumber bagi tindakan penambahbaikan ke atas SPK. Keputusan analisis mestilah digunakan untuk menilai:

a) keakuran produk dan perkhidmatan
b) tahap kepuasan pelanggan
c) prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti
d) sama ada perancangan telah dilaksanakan dengan berkesan
e) keberkesanan tindakan yang diambil untuk menangani risiko dan peluang
f) prestasi pembekal luaran
g) keperluan untuk penambahbaikan kepada sistem pengurusan kualiti.

10.2 AUDIT DALAMAN

Pengurusan BP akan melatih dan melantik Juruaudit Dalaman untuk menjalankan audit dalaman sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh 12 bulan untuk memastikan SPK memenuhi perkara-perkara yang berikut:

a) Mematuhi perancangan, keperluan standard dan SPK BP yang dibangunkan.
b) Dilaksana dan diselenggara secara berkesan.

Audit dalaman hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan mengambil kira status dan kepentingan proses serta keputusan audit.

Kriteria, skop, kekerapan dan kaedah dikenal pasti melalui prosedur audit dalaman. Pemilihan Juruaudit dan pelaksanaan audit akan ditentukan di mana Juruaudit tidak boleh mengaudit kerja sendiri.

Ketua Juruaudit bertanggungjawab merancang, melaksana, melaporkan dan menyelenggara rekod audit dalaman.

Pihak yang diaudit hendaklah membuat pembetulan dan mengambil tindakan pembetulan untuk menghapuskan ketidakpatuhan.

Audit susulan dijalankan untuk mengesan keberkesanan tindakan pembetulan dan laporan susulan disediakan bagi makluman kepada pengurusan BP.

10.3 KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

10.3.1 AM

Pengurusan BP membuat Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ke atas SPK BP ini sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh 12 bulan. MKSP ini bertujuan bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanannya dalam memenuhi Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti yang telah ditetapkan.

10.3.2 INPUT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

Input MKSP BP hendaklah meliputi:

a) status tindakan daripada kajian semula pengurusan yang lepas;
b) perubahan dalam isu-isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti
c) maklumat mengenai prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti, termasuk aliran dalam:
    i. kepuasan pelanggan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan yang berkaitan
    ii. tahap di mana objektif-objektif kualiti telah dipenuhi

iii. prestasi proses serta keakuran produk dan perkhidmatan
iv. ketidakakuran dan tindakan pembetulan
v. keputusan pemantauan dan pengukuran
vi. keputusan audit
vii. prestasi pembekal luaran

d) kecukupan sumber
e) keberkesanan tindakan yang diambil dalam menangani risiko dan peluang (rujuk klausa 6.1)
f) peluang untuk penambahbaikan.

10.3.3 OUTPUT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

Output MKSP hendaklah meliputi keputusan dan tindakan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang berikut:

a) peluang untuk penambahbaikan
b) sebarang keperluan untuk perubahan kepada SPK
c) keperluan sumber

Maklumat didokumenkan dikekalkan sebagai bukti keputusan-keputusan kajian semula pengurusan.

11.0 PENAMBAHBAIKAN

11.1 AM

BP akan menentu dan memilih peluang untuk penambahbaikan dan melaksanakan tindakan yang perlu untuk memenuhi keperluan dan

meningkatkan kepuasan pelanggan.

Ia mestilah termasuk:

a) menambahbaik produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan dan juga untuk menangani keperluan dan jangkaan masa depan
b) membetulkan, mencegah atau mengurangkan kesan-kesan yang tidak diingini
c) meningkatkan prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti

11.2 KETIDAKAKURAN DAN TINDAKAN PEMBETULAN

BP mengambil tindakan untuk menghapuskan punca ketidakpatuhan supaya ia tidak berulang lagi. Tindakan pembetulan hendaklah bersesuaian dengan kesan ketidakpatuhan yang berlaku. Tindakan-tindakan pembetulan dilaksanakan berdasarkan sumber berikut:

a) Ketidakpatuhan yang dikesan melalui Audit Dalaman
b) Maklum balas pelanggan
c) Ketidakpatuhan pelaksanaan proses utama melalui mesyuarat berkaitan.

Prosedur telah diwujudkan meliputi keperluan berikut:

a) Mengkaji semula ketidakpatuhan (termasuk aduan pelanggan).
b) Mengenal pasti punca-punca ketidakpatuhan.
c) Menilai keperluan bagi memastikan ketidakpatuhan tidak berulang.
d) Menentukan dan melaksanakan tindakan yang diperlukan.
e) Merekodkan hasil tindakan yang dilaksanakan.

f) Mengkaji semula keberkesanan tindakan pembetulan yang dilaksanakan

g) Mengemas kini risiko dan peluang (jika perlu)


11.3 PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

BP akan menambah baik kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan.

BP akan mengambil kira keputusan analisis, penilaian dan output daripada kajian semula pengurusan untuk menentukan sekiranya terdapat keperluan atau peluang yang mesti ditangani sebagai sebahagian daripada penambahbaikan berterusan.


LAMPIRAN 1

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PERANCANGAN, KKM



Kemaskini : 17 SEPTEMBER 2026

PROSES SISTEM PENGURUSAN KUALITI DAN PENGGUNAANNYA



LAMPIRAN 2A

PENERAPAN PEMIKIRAN BERDASARKAN RISIKO

Pemikiran Berdasarkan Risiko (*Risk Based Thinking*) diterapkan di Bahagian Perancangan dengan menggunakan pendekatan **PDCA**.

PLAN	Klausa 4.4.1 (f)	BP menentukan proses yang diperlukan untuk SPK (rujuk interaksi proses – lampiran 42).
	Klausa 5.1.2 (b)	Pengurusan atasan memastikan risiko dan peluang ditentukan dan ditangani.
	Klausa 6.1	Tentukan risiko dan peluang. Rancang tindakan. Nilai keberkesanan (Rujuk Lampiran 2B - Format Daftar Risiko dan Peluang)
DO	Klausa 7.3(d)	Anggota diberikan kesedaran mengenai risiko dan peluang.
	Klausa 8.1	Anggota laksanakan Daftar Risiko dan Peluang sepanjang proses kerja dilaksanakan.
CHECK	Klausa 9.1.3	Analisis dan penilaian keberkesanan tindakan.
	Klausa 9.3.2	Bentangkan dalam MKSP.
ACTION	Klausa 10.2.1	Laksanakan tindakan (jika tidak berkesan) dan kemas kini Daftar Risiko dan Peluang

LAMPIRAN 2B

Contoh Format Daftar Risiko dan Peluang Bahagian Perancangan:

DAFTAR RISIKO DAN PELUANG (ISO 9001:2015)					BAHAGIAN/CAWANGAN											
					SEKSYEN/UNIT											
					DISEDIAKAN OLEH											
					DILULUSKAN OLEH											
Bil	1. MENGENALPASTI RISIKO				2. PENILAIAN RISIKO			3. TINDAKAN UNTUK KAWALAN RISIKO		4. PENILAIAN KEBERKESANAN						
	Isu/Keperluan	Aktiviti	Risiko	Peluang	Kbgkln	Impak	Tahap	Kawalan Sediakala ("Current Risk Control")	Tindakan Tambahan / Tindakan untuk mendapatkan Peluang	Tempoh	Kbgkln	Impak	Tahap	T/jawab	Status Tindakan	

LAMPIRAN 2C

PANDUAN PENILAIAN RISIKO

Parameter KEBARANGKALIAN

Kebarangkalian Risiko Untuk Berlaku	Parameter	Skala
